

Headline	Ladang kontrak FAMA jana RM3.89 juta		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	149 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,882
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,645



## Ladang kontrak FAMA jana RM3.89 juta

**ALOR GAJAH** - Program Ladang Kontrak di bawah bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka berjaya meraih pendapatan mencecah RM3.89 juta sejak dimulakan pada Januari lalu.

Pengarah FAMA negeri, Mohd. Nawi Othman berkata, seramai 58 peserta program tersebut berjaya memperoleh hasil memberangsangkan sehingga September lalu dengan bantuan yang diberikan terutama dalam menguruskan ladang masing-masing.



MOHD. NAWI

"FAMA sangat berpuas hati dengan prestasi semua peserta malah statistik menunjukkan hasil diperoleh sangat memberangsangkan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM3.89 juta.

"Dengan kejayaan ini, saya menyarankan lebih ramai pengusaha menyertai program ini kerana FAMA akan memberikan bantuan dari segi bimbingan serta me-

antau hasil pendapatan pengusaha," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Kursus Peningkatan

Pendapatan Hasil Pertanian Peringkat Daerah Alor Gajah di Kompleks Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri Ayer Limau, Lubok China di sini semalam.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Limau, Datuk Amirudin Yusof serta 40 peserta yang terdiri daripada usahawan Program Ladang Kontrak.

Mohd. Nawi berkata, dalam program itu, para peladang diajar untuk mendalami cara bagi mengembangkan hasil pertanian mengikut pasaran semasa dan kaedah untuk mengurangkan pengambilan tanaman import.